

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID**

**TARIKH : 10 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan keutamaan yang diberikan oleh Kementerian dalam menimbang dan meluluskan permohonan sewaan tanah persekutuan. Berapakah jumlah kelulusan yang telah diberikan sepanjang tahun 2021 hingga Jun 2022.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terdapat beberapa kriteria yang diberikan keutamaan oleh Kementerian dalam mempertimbangkan permohonan penyewaan. Kriteria – kriteria tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Tujuan penyewaan yang sesuai dengan tanah yang dimohon;
- (2) Tanah yang dimohon tiada perancangan pembangunan dalam masa terdekat oleh Kementerian Jabatan Pengguna (KJP);
- (3) Penyewaan yang melibatkan aktiviti bersifat sementara dan tidak kekal seperti bagi tujuan tanaman kontan, tempat meletak kereta, aktiviti mencuci kenderaan dan lain-lain aktiviti yang berkaitan tidak melebihi tiga (3) tahun; dan

**SOALAN NO : 79**

(4) Pemohon mempunyai keupayaan kewangan.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kelulusan penyewaan tanah Persekutuan yang telah diberikan sepanjang tahun 2021 adalah sebanyak 461. Manakala bagi tahun 2022 sehingga bulan Jun, sebanyak 264 kelulusan penyewaan tanah telah diberikan.

Sekian, terima kasih.